

02/01/2002

Sektor ICT dijangka lebih pesat 2002

Khairul Anuar Samad

INDUSTRI teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) negara sepanjang tahun lalu menikmati banyak kemajuan walaupun suasana ICT dunia agak muram disebabkan kelembapan ekonomi khususnya di Amerika Syarikat yang menyaksikan banyak syarikat berteknologi tingginya memperlahankan operasi atau gulung tikar.

Projek mega negara, Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menjadi lambang keunggulan negara dalam ICT rantau ini dan juga dunia tetap menunjukkan kerencakannya.

Bagi Fasa Pertama (1996-2003) daripada pelan pembangunan yang membabitkan tiga fasa, ia mencatat kejayaan lebih awal daripada jadual perancangannya untuk fasa itu.

Perkembangan itu membanggakan Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corp. (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata: "Kami berjaya mencapai kejayaan yang hebat bagi projek itu, malah hasilnya dapat dinikmati lebih awal berbanding jadual asal."

Hingga 7 Disember tahun lalu, 616 syarikat diberikan status MSC iaitu 50 daripadanya adalah syarikat bertaraf antarabangsa. Jumlah itu melebihi sasaran asal MSC iaitu 500 syarikat MSC dengan sekurang-kurangnya 50 bertaraf dunia hingga 2003.

"MSC menjadi platform utama yang mendorong kepada pembangunan industri ICT negara selain membantu berusaha merapatkan jurang digital dan membentuk usahawan tekno baru," kata Othman.

Kini ada lebih 1,500 syarikat ICT dan multimedia tempatan berbanding hanya kira-kira 250 pada 1997.

Mengikut pelan unjuran peniagaan lima tahunnya, syarikat berstatus MSC itu dijangka melabur sebanyak RM5.9 bilion membabitkan 27,405 pekerja berpengetahuan hingga 2001.

Manakala hasil kaji selidik kesan MSC 2001 baru-baru ini, sebanyak RM4.393 bilion berjaya dihasilkan oleh syarikat berstatus MSC dengan nilai eksportnya RM1.025 bilion.

Dalam keadaan negara diulik kejayaan MSC itu, muncul dua peristiwa hitam mengaibkan industri ICT negara dan boleh dianggap seperti barah yang boleh memusnahkan agenda ICT negara.

Dua peristiwa hitam itu, penyelewengan dalam skim pembelian komputer Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) dan kegagalan pembinaan makmal komputer sekolah mengikut jadual di seluruh negara bagaikan berusaha untuk menafikan inisiatif negara ke arah mewujudkan masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan.

Dalam kes skim pembelian komputer menerusi KWSP, BSN menggantungkan salah satu konsortium pembekalnya, Unimaya Berhad (Unimaya) kerana kegagalan syarikat itu menghantar komputer kepada pemohon yang berjaya.

Manakala dalam projek makmal komputer sekolah, hampir semua kontraktor terbabit dalam pembinaan makmal itu gagal menyiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Projek itu dimulakan awal tahun 2000 dan sepatutnya diserahkan kepada kementerian menjelang akhir tahun lalu.

Mengikut Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir, hanya 773 daripada 2,400 makmal itu sedang dibina iaitu 232 di Zon Utara, 351 (Zon Tengah), 117 (Zon Selatan) dan 73 (Zon Timur).

Secara rasional, kedua-dua inisiatif kerajaan ini sepatutnya berjalan lancar kerana projek ini bukan untuk kemajuan dan kepentingan kerajaan

yang memerintah malah rakyat jelata bakal memanfaatkannya.

Semua itu untuk membolehkan masyarakat sama ada perseorangan atau di sektor korporat bersama bangkit dengan teknologi digital yang pesat berkembang kini selain berupaya bersaing secara global.

Usaha itu untuk merapatkan jurang digital yang kini agak ketara di negara ini yang melalui agenda itu kerajaan berusaha seboleh-bolehnya menjadikan rakyatnya celik komputer.

Agak memalukan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri terpaksa bertungkus-lumus memajukan negara dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif kerajaan berasaskan ICT.

Namun begitu, lumrah manusia, bukan semuanya rambut sama hitam, ada mereka yang mengambil kesempatan menangguk di air keroh.

Tidakkah mereka ini terasa malu atau rendah diri dengan kesungguhan Dr Mahathir untuk menjadikan Malaysia sebagai hub utama ICT rantau ini melalui pembentukan projek MSC dan seterusnya tercatat dalam senarai dunia sebagai antara negara termaju dalam teknologi itu.

Kesungguhan negara memajukan diri dalam ICT dapat dilihat melalui fungsi Dr Mahathir sehingga seorang Ketua Pegawai Eksekutif daripada sebuah syarikat teknologi maklumat (IT) bertaraf dunia kagum dengan kesungguhan beliau.

"Saya kagum dengan beliau. Bayangkanlah, pada satu ketika, dalam satu masa beliau terpaksa menghadiri dua acara penting yang semuanya membabitkan kepentingan negara.

"Satu acara mengenai mesyuarat pembangunan negara yang diadakan di sebuah negara Barat, manakala satu lagi mengenai ICT di Malaysia.

"Selesai saja acara luar negara itu, beliau terus bergegas pulang ke Malaysia. Ini dilakukan hanya semata-mata untuk menyambut ketibaan dan bermesyuarat dengan pegawai panel penasihat antarabangsa (IAP) pada mesyuarat MSC di Cyberjaya," katanya.

Itu menunjukkan betapa pentingnya ICT kepada Dr Mahathir bagi menjadikan Malaysia khususnya sebagai negara utama dalam industri itu selain membentuk masyarakat bermaklumat.

Sebagai penyokong ke arah pergerakan itu, masyarakat harus turut sama berfungsi untuk merealisasikan matlamat negara menjadi negara maju dalam ICT.

Walaupun ada pandangan sumbang mengatakan peristiwa negatif yang berlaku dalam industri ICT negara itu akan memamatkan negara dalam bidang itu, ia seharusnya dielakkan.

Syarikat utama dunia dalam industri IT seperti Microsoft, Dell, Intel, Hewlett-Packard dan banyak lagi syarikat IT antarabangsa kini kukuh bertapak dan rancak melabur serta menyusun strategi perkembangan di negara ini.

Sehubungan itu, perkara kecil yang boleh menjadi barah dan mengaibkan itu harus dielakkan untuk terus meyakinkan syarikat utama itu bahawa Malaysia adalah negara paling tepat untuk mereka bertapak dan melabur.

Walaupun ekonomi negara dan dunia masih lembap, kebanyakan syarikat itu berkeyakinan serta sanggup memberi komitmen tinggi untuk kejayaan bersama terhadap industri ICT negara.

Pengenalan banyak teknologi baru akibat penggabungan teknologi seperti Internet, komunikasi dan komputer yang dijangka diperkenalkan pada 2002 ini akan menyaksikan kerancakan negara membangun bersama teknologi itu.

Sebagai negara pertama di dunia yang memperkenalkan kad pintar pelbagai guna, MyKad, 2002 harus menjadi platform penting negara untuk memantapkan penguasaannya dalam teknologi ICT sama ada pada peringkat serantau atau global.

Berdasarkan banyak kemajuan yang dicapai tahun lalu di samping pelbagai perkembangan akan berlaku sama ada membabitkan kerajaan atau swasta, 2002

sudah pasti menjanjikan kejayaan kepada Malaysia.
(END)